

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. JEFFREY GAPARI  
KITINGAN [ KENINGAU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyalurkan peruntukan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan dalam Bajet 2020 untuk membangun dan memajukan Gunung Trusmadi (gunung ke-2 tertinggi di Sabah dan Malaysia) dan kawasan-kawasan peranginan dan pertanian berhampiran sebab kawasan tersebut berpotensi besar untuk pelancongan dan pertanian tanah tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penyaluran peruntukan kepada Kementerian-kementerian lain adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Berhubung peruntukan pembangunan dalam bajet 2020, kementerian tidak mendapat sebarang permohonan daripada kerajaan negeri bagi membangun dan memajukan gunung Trusmadi. Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10), Kementerian ini telah memperuntukan sebanyak RM4 juta bagi Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Hutan Simpan Trus Madi.

Komponen yang terlibat bagi projek ini ialah menaiktaraf denai pendakian ke puncak gunung Trus Madi, membina rumah rehat serta pondok rehat di sepanjang denai pendakian ke puncak gunung Trus

## NO. SOALAN : 8

Madi dan membina *checking station* di Sinua Sook. Projek ini telah disiapkan dan diserahkan kepada pengurusan Jabatan Perhutanan Sabah pada 20 Disember 2013.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Gunung Trusmadi adalah merupakan produk pelancongan utama bagi salah satu kluster yang akan dibangunkan iaitu Kluster Ekopelancongan Kota Kinabalu-Tambunan-Crocker Range Park-Keningau-Tenom yang merangkumi produk ekopelancongan terkenal lain seperti Kipandi Butterfly Park, Tamu Keningau, Keningau Craft Centre, Sabah Agriculture Park dan Gunung Senagang. Menerusi pembangunan kluster ekopelancongan ini, aktiviti ekopelancongan di Gunung Trusmadi dan kawasan sekitarnya akan dapat dibangunkan secara holistik dan meliputi inisiatif *community based tourism* (CBT) dalam kluster tersebut

Secara umumnya bagi cadangan pembangunan projek pelancongan yang akan datang terutama sekali di Gunung Trusmadi, Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Agensi Negeri terutama sekali Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KPKAS) dalam mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan domestik dan antarabangsa di Negeri Sabah bagi memastikan produk pelancongan di Malaysia dapat dibangunkan dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.